

# Muhyiddin mohon ketepikan pertuduhan

**Kuala Lumpur:** Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, akan memohon untuk mengetepikan tiga pertuduhan terbabit pengubahan wang haram berjumlah RM200 juta yang dihadapinya.

Peguambela Muhyiddin, Datuk Hisyam Teh Poh Teik, berkata permohonan itu mengikut Seksyen 173 (g) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ).

“Kita akan memfailkan permohonan secepat mungkin, selain akan menulis kepada pendakwaan untuk persetujuan supaya Muhyiddin mendapatkan kembali pasportkatanya ketika sebutan kes di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Azura Alwi, semalam.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, berkata sebutan kes semalam untuk mendengar permohonan pendakwaan supaya empat tuduhan rasuah dan tiga tuduhan menerima wang hasil aktiviti haram dihadapi bekas Perdana Menteri itu, untuk dibicarakan bersama.

Bagaimanapun, katanya, Mah-

kamah Tinggi sudah membenarkan permohonan Muhyiddin untuk membatalkan tuduhan rasuah di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

“Kami memohon permohonan untuk perbicaraan bersama ditangguhkan terlebih dahulu ke satu tarikh akan datang atas alasan sudah failkan satu notis rayuan pada 15 Ogos lalu, dan hari ini (semalam) failkan satu petisyen di Mahkamah Rayuan (berkaitan tuduhan rasuah dibatalkan).

“Pengurusan kes di Mahkamah Rayuan ditetapkan pada 27 September ini. Untuk kes pengubahan wang haram dan predikat, kami bersetuju tarikh sebutan (di Mahkamah Sesyen) pada 29 November ini, jika boleh permohonan ini ditetapkan pada tarikh itu,” katanya.

Hisyam tidak membantah tarikh sebutan kes itu, namun memohon supaya Muhyiddin dikesualkan kehadiran yang tidak dibantah pendakwaan.

Azura kemudian membenar-

kan tarikh sebutan kes seterusnya seperti dicadangkan pendakwaan.

“Pihak-pihak (pendakwaan dan pembelaan Muhyiddin) perlu maklumkan hasil pengurusan kes pada 27 September ini sebelum saya benarkan pengecualian kehadiran (Muhyiddin).

“Failkan surat (perkembangan pengurusan kes) dalam sistem,” katanya.

Pada 15 Ogos lalu, Hakim, Datuk Muhammad Jamil Husin, melepas dan membebaskan Presiden BERSATU itu atas empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk rasuah selepas membenarkan permohonan Muhyiddin untuk membatalkan tuduhan berkenaan.

Muhammad Jamil dilaporkan berkata, ia susulan empat pertuduhan berkenaan tidak mendedahkan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM.

Pada 13 Mac lalu, Muhyiddin, 76, didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas satu pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta di Am-

Bank cawangan Amcorp Mall, Petaling Jaya dekat sini, pada 7 Januari 2022.

Pada 10 Mac lalu, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu didakwa pula di Mahkamah Sesyen di sini, dengan enam pertuduhan, iaitu empat tuduhan menggunakan kedudukan mendapatkan rasuah terbabit dan dua kesalahan pengubahan wang haram RM195 juta.

Kesalahan rasuah dilakukan di Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di Wilayah Persekutuan Putrajaya, antara 1 Mac 2020 hingga 20 Ogos 2021.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda junjailah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.